

6 FEB 1996

Mahathir-ISA

ISA MASIH PERLU UNTUK KETENTERAMAN NEGARA, KATA PERDANA MENTERI

KUALA LUMPUR, 6 Feb (Bernama) -- Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) masih diperlukan bagi melindungi negara daripada pihak tidak bertanggungjawab yang bertindak untuk merosakkan negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata pihak-pihak berkenaan termasuklah yang mencetuskan rusuhan kaum dan mengadakan mogok umum sebagai senjata politik seperti yang berlaku di sesetengah negara.

"Kita tidak ingin melihat perkara ini berlaku kerana ia menjejaskan kehidupan rakyat biasa yang tidak terlibat dalam perkara ini.

"Jadi kita masih anggap bahawa kita perlu ada kuasa untuk menghalang tindakan yang tidak bertanggungjawab," katanya kepada pemberita selepas melancarkan penggalan pertama terowong Projek Usahasama Transit Ringan Automatik Sdn Bhd (PUTRA) di Jalan Ampang di sini.

Dr Mahathir diminta mengulas kenyataan Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Megat Junid Megat Ayob semalam bahawa draf pindaan akta berkenaan hampir siap dan akan dibentangkan oleh Perdana Menteri di Parlimen tidak lama lagi.

Mengenai kenyataan Megat Junid bahawa kajian semula akta itu juga membabitkan tempoh tahanan yang lebih fleksibel, Dr Mahathir berkata beliau belum dapat menyatakan mengenai perkara itu.

"Ini akan kita beritahu selepas semuanya selesai," katanya.

Sementara itu DAP, dalam reaksinya terhadap kenyataan Megat Junid, menggesa kerajaan supaya menghapuskan akta itu.

Setiausaha Agungnya Encik Lim Kit Siang berkata kenyataan Megat Junid bahawa pindaan itu turut membabitkan peruntukan tempoh tahanan yang lebih fleksibel bukanlah berita besar kerana perkara itu sudah terkandung dalam akta sekarang.

Anggota Parlimen DAP bagi Jelutong Karpal Singh berkata akta itu tidak bermakna lagi sekarang kerana tujuan ia dibentuk adalah untuk menghadapi ancaman Parti Komunis Malaya (PKM), yang telah meletak senjata pada tahun 1989. -- BERNAMA